

Mahasiswa utama kemahanan berbanding keperluan

Kuala Lumpur: Sanggup berlapar demi telefon. Sikap pelajar yang mendahului kemahanan berbanding keperluan, antara sebab mengapa ramai pelajar universiti awam (UA) tidak mampu membeli makanan.

Pakar sosial yang juga Timbalan Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata berdasarkan kajian yang dilakukannya ke atas pelajar tiga soalan diajukan untuk mengenal pasti punca masalah itu.

"Pelajar ini ketika ditanya adakah mereka mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), mempunyai telefon bimbit model terkini dan sering membeli kad prabayar. Jawapan yang diterima adalah ya."

"Daripada jawapan ini, terjawablah mengapa 'kebuluran' berlaku dalam kalangan pelajar," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohammad Shatar berkata, ji-

ka pelajar bijak menguruskan kewangan dan mendahului keperluan, masalah itu tidak timbul.

Tamat belajar guna PTPTN

Katanya, ada bekas pelajarnya yang kini bertugas sebagai pegawai penyelidik datang daripada keluarga miskin mampu menampung kehidupan dan menamatkan pengajian dengan hanya menggunakan wang PTPTN.

"Bekas pelajar ini datangnya daripada keluarga miskin, ibunya adalah seorang Orang Kelainan Upaya (OKU), bapanya meninggal dunia ketika di tingkatan enam dan pada masa sama mempunyai enam orang adik."

"Beliau menggunakan wang PTPTN untuk perbelanjaan pembelajaran dan pada masa sama turut menghantar wang itu kepada adiknya."

"Ada dua senario berbeza di sini, pelajar yang menggunakan wang untuk tujuan pengajian dan pelajar membeli sesuatu yang bukan keperluan," katanya.



Mohammad Shatar Sabran



Yuserrie Zainuddin

Sementara itu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melaksanakan Program Kongsi Rezeki: Cheap Lunch Take Away sebagai usaha membantu pelajar mendapatkan bantuan makanan tengah hari yang diaghikhan dengan kadar harga hanya RM1 saja.

Program Kongsi Rezeki ini yang dijalankan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) mendapat kerjasama pihak kafeteria universiti yang menyedia-

kan sebanyak 400 pek makanan untuk diaghikhan kepada pelajar UMP serentak di kedua-dua kampus UMP di Gambang dan Pekan, khususnya kepada pelajar yang mempunyai masalah kewangan yang kritikal dan layak menerima manfaat ini.

Kurangkan beban pelajar

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor

Datuk Dr Yusserie Zainuddin, berkata pihak JHEPA mengharapkan sumbangan ini dapat mengurangkan beban pelajar dan membantu golongan yang kurang berkemampuan.

"Program sebegini juga dapat memberi kesedaran kepada warga UMP, sekali gus melahirkan rasa bersyukur di atas rezeki yang telah diberikan kepada mereka," katanya.

Terdahulu, kajian yang dijalankan Pertubuhan Sukarelawan Muslim Malaysia (MVM) terhadap 25,632 mahasiswa daripada enam UA mendapat 57 peratus daripada mereka hanya memperuntukkan RM5 sehari untuk makanan, 44 peratus makan muda-muda, manakala 41 peratus hanya makan nasi dengan telur goreng dan sos.

Kajian itu juga mendapat 96 peratus daripada mereka berada di bawah tekanan ekonomi, manakala 97 peratus berkata, mereka mahu menggunakan bantuan kewangan daripada MVM.